

NAMA TINGKATAN

MODUL PINTAS 2024

TINGKATAN 5

3756/1

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

1 jam 15 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 19 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

1 Pernyataan manakah yang benar mengenai perakaunan pengurusan?

- A Menghitung untung atau rugi perniagaan
- B Menghasilkan laporan kewangan perniagaan
- C Menyediakan maklumat bagi tujuan membuat keputusan
- D Merekodkan proses bagi perekodan urus niaga perniagaan

2 Jadual 1 menunjukkan kesan satu urus niaga ke atas aset dan liabiliti.

Urus niaga	Kesan ke atas	
	Aset	Liabiliti
P	Bertambah	Bertambah

Jadual 1

Apakah **P**?

- A Menjual barang niaga secara kredit
 - B Mendapat pinjaman daripada Bank Kaya
 - C Mengambil barang niaga untuk tujuan promosi
 - D Membawa masuk komputer peribadi untuk kegunaan perniagaan
- 3 Catatan Kontra manakah yang akan menyebabkan nilai Aset Semasa berkurang?
- A Ambilan
 - B Pulangan jualan
 - C Susut nilai terkumpul
 - D Peruntukan hutang ragu
- 4 Maklumat berikut diambil daripada Kedai Malik.

Pemilik mengeluarkan wang perniagaan daripada bank untuk kegunaan perniagaan.

Apakah dokumen yang digunakan sebagai sumber catatan bagi urus niaga tersebut?

- A Resit
- B Memo
- C Bil tunai
- D Makluman debit

- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan Perniagaan Perabot Sabri.

Pada 9 Mei 2024, pemilik menerima invoice daripada Pembekal Azri kerana membeli 1 set meja makan bernilai RM800.

Pilih catatan urus niaga yang betul.

A

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2024 Mei 9	Perabot Pembekal Azri		RM 800	RM 800

B

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Jumlah
2024 Mei 9	Pembekal Azri	RM 800

C

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2024 Mei 9	Pembekal Azri	RM 800

D

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Jumlah
2024 Mei 9	Pembekal Azri	RM 800

- 6 Dokumen berikut merupakan slip daftar tunai.

PASARAYA DAMAI	
10, Taman Damai, Shah Alam	
22 Ogos 2024	
Sampul surat	RM10.00
Kertas A4	RM16.00
Jumlah	RM26.00
Tunai	RM30.00
Baki	RM 4.00
Terima kasih	

Apakah lajur analisis pembayaran dalam Buku Tunai Runcit?

- A Pelbagai
- B Alat tulis
- C Belanja pos
- D Belanja pejabat

- 7 Maklumat berikut diambil daripada Kedai Elektrik Soffian pada 15 Mei 2024.

Pemilik membayar sewa kediaman dengan cek perniagaan.

Apakah catatan bergu bagi merekod urus niaga tersebut?

	Debit	Kredit
A	Ambilan	Bank
B	Sewa	Bank
C	Tunai	Ambilan
D	Sewa	Tunai

- 8 Akaun Kawalan Belum Terima berikut diperolehi daripada Perniagaan Suchita.

Akaun Kawalan Belum Terima

2023		RM	2023		RM
Jan. 1	Baki b/b	14 200	Dis. 31	Diskaun Diberi	270
Dis. 31	Jualan	48 400		Hutang Lapuk	120
	Pulangan Jualan	350		Kontra	830

Apakah butiran yang tersalah catat?

- A Kontra
 B Hutang Lapuk
 C Diskaun Diberi
 D Pulangan Jualan
- 9 Maklumat berikut diperolehi daripada rekod Perniagaan Shakeel pada 31 Disember 2023.

	RM
Modal	47 660
Simpanan tetap	20 000
Kenderaan	40 000
Pinjaman	6 000
Belian	27 400
Jualan	33 180
Dividen	560

Berapakah angka Imbangan Duga pada 31 Disember 2023?

- A RM73 400
 B RM87 400
 C RM87 960
 D RM93 400

- 10 Maklumat berikut diperoleh daripada Melia Trading.

Melia Trading sentiasa mengemas kini nilai dan kuantiti inventori.
Pergerakan inventori juga direkodkan secara terperinci.

Apakah penilaian sistem inventori yang diamalkan?

- A Sistem Inventori Berkala
- B Sistem Inventori Berterusan
- C Sistem Inventori Berpasangan
- D Sistem Inventori Berperingkat

- 11 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Pelita.

	RM
Untung kasar	15 000
Diskaun diterima	160
Komisen diterima	400
Sewa dibayar	1 600
Gaji	3 800
Alatan pejabat	920
Angkutan keluar	2 140

Berapakah untung bersih?

- A RM7 100
- B RM8 020
- C RM8 940
- D RM9 240

- 12 Dalam catatan penutupan, gaji yang dibayar kepada pekerja akan dipindahkan ke dalam ...

- A Akaun Modal
- B Akaun Semasa
- C Akaun Untung Rugi
- D Akaun Perdagangan

13 Antara berikut, manakah yang berkaitan dengan perakaunan asas akruan?

- I Hasil belum terima diiktiraf sebagai hasil
 - II Hasil belum terperoleh diiktiraf sebagai hasil
 - III Belanja prabayar tidak diiktiraf sebagai belanja
 - IV Belanja belum bayar tidak diiktiraf sebagai belanja
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

14 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Buku Puteri Emas.

	1 April 2023	31 Mac 2024
	RM	RM
Insurans prabayar	800	700

Buku Tunai

	RM
Insurans	6 900

Berapakah nilai insurans yang akan direkod dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM6 800
- B RM6 900
- C RM7 000
- D RM8 400

15 Pernyataan manakah yang benar tentang hutang lapuk?

- A Merupakan suatu keuntungan kepada perniagaan
- B Berlaku disebabkan pelanggan diisytiharkan muflis
- C Hutang yang pasti dapat dipungut semula daripada pelanggan
- D Akaun Hutang Lapuk dipindahkan ke sebelah kredit Akaun Untung Rugi

- 16 Maklumat berikut berkaitan dengan susut nilaiengkapan yang dimiliki oleh Perniagaan Iqmal.

- Pada 1 Januari 2022, lengkapan telah dibeli pada harga RM7 000.
- Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun.
- Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 menunjukkan susut nilai lengkapan RM630.

Apakah kaedah pengiraan susut nilai yang digunakan?

- A Kaedah garis lurus
- B Kaedah ansuran tetap
- C Kaedah penilaian semula
- D Kaedah baki berkurangan

- 17 Maklumat berikut diperolehi daripada rekod perakaunan Hawa Trading.

Akaun Pelupusan Kenderaan

2023		RM	2023		RM
Dis. 31	Kenderaan	85 000	Dis. 31	Susut nilai terkumpul	12 750
				Bank	75 000

Berapakah untung atau rugi atas pelupusan kenderaan tersebut?

- A Untung atas pelupusan RM2 750
- B Untung atas pelupusan RM10 000
- C Rugi atas pelupusan RM2 750
- D Rugi atas pelupusan RM10 000

- 18 Pada 29 Februari 2024, Imbangan Duga Syarikat Eriesya Tune Berhad menunjukkan butir alat tulis sebanyak RM970. Semasa pelarasan dibuat, didapati sebanyak RM320 alat tulis masih belum digunakan.

Manakah catatan yang betul dalam Imbangan Duga Terselaras?

A Imbangan Duga Terselaras pada 29 Februari 2024 (petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Alat tulis	970	
Inventori alat tulis	320	

B Imbangan Duga Terselaras pada 29 Februari 2024 (petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Alat tulis	650	
Inventori alat tulis	320	

C Imbangan Duga Terselaras pada 29 Februari 2024 (petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Alat tulis	970	
Inventori alat tulis		320

D Imbangan Duga Terselaras pada 29 Februari 2024 (petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Alat tulis	650	
Inventori alat tulis		320

- 19 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Lareez pada 30 Jun 2024.

	RM
Untung kasar	17 500
Gaji	770
Diskaun diterima	320
Faedah atas simpanan	165

Maklumat tambahan:

Gaji prabayar berjumlah RM120.

Berapakah untung bersih?

- A RM16 765
B RM17 005
C RM17 095
D RM17 335
- 20 Buku perniagaan Marsya Enterprise menunjukkan maklumat berikut.

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	No. Dokumen	Jumlah
2024			RM
Mei 10	SS Shop	2610	3 230
19	Restoran Zaman	2625	4 750
31	Akaun Jualan (Kt.)		7 980

Apakah kesilapan yang telah berlaku jika invoice bernombor 2610 adalah untuk jualan kenderaan terpakai?

- A Kesilapan amaun
B Kesilapan prinsip
C Kesilapan komisen
D Kesilapan songsang

- 21 Go Green Plastic Company memperoleh untung bersih berjumlah RM46 700 bagi tahun berakhir 31 Disember 2023. Selepas pengiraan untung bersih, kesilapan berikut telah ditemui.

- Belian mesin pencetak bernilai RM1 200 tersilap catat dalam Akaun Belian.
- Jualan terlebih catat RM3 200.

Berapakah untung bersih selepas kesilapan dibetulkan?

- A RM42 300
 - B RM44 700
 - C RM48 700
 - D RM51 100
- 22 Pasaraya Sentosa memaklumkan bahawa syarikatnya akan memperoleh untung kasar sebanyak 50 sen bagi setiap RM1 kos jualan.

Apakah jenis nisbah yang digunakan?

- A Tokokan
 - B Nisbah Semasa
 - C Pulangan atas Modal
 - D Margin Untung Kasar
- 23 Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan Butik Izara.

	RM
Ambilan	550
Modal awal	10 500
Modal akhir	20 780
Modal tambahan	5 000

Berapakah untung bersih?

- A RM4 730
- B RM5 830
- C RM14 730
- D RM25 730

- 24 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Perabot Reka.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
	RM	RM
Akaun Belum Terima	2 350	4 578

Maklumat tambahan:

- Pulangan masuk RM230
- Penerimaan daripada Akaun Belum Terima RM6 125

Berapakah jumlah jualan kredit?

- A RM3 667
B RM4 127
C RM8 583
D RM10 933
- 25 Apakah kepentingan kawalan tunai kepada peniaga?
- A Menambah keuntungan perniagaan
B Menyemak ketepatan perekodan
C Mengurangkan risiko penyelewengan tunai
D Memastikan urusan pentadbiran berjalan lancar
- 26 Apakah transaksi dalam Penyata Bank yang menyebabkan baki Buku Tunai berbeza dengan baki Penyata Bank?
- A Pindahan kredit
B Cek yang dibatalkan
C Cek belum dikemukakan
D Deposit belum dikreditkan

- 27 Maklumat berikut diperolehi daripada belanjawan tunai Restoran D'Enaq pada 30 Jun 2024.

	RM
Baki 1 Jun 2024:	
Tunai	3 000
Tunai di bank	92 000
Peralatan	37 000
Penerimaan	75 000
Pembayaran	80 000

Berapakah baki pada 30 Jun 2024?

- A RM90 000
 - B RM100 000
 - C RM127 000
 - D RM132 000
- 28 Nini dan Mina merupakan rakan kongsi dalam Perkongsian Nina. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan pada 30 Jun 2024.

	RM
Gaji tahunan Nini	12 000
Gaji yang telah dibayar kepada Nini	5 000

Berapakah gaji yang akan direkodkan dalam Akaun Semasa Nini?

- A RM5 000
- B RM7 000
- C RM12 000
- D RM17 000

29 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Sya dan Na.

	RM
Untung bersih	24 000
Faedah atas modal Sya	4 000
Faedah atas modal Na	2 000

Ikatan Perkongsian:

- Faedah atas modal 10% setahun
- Gaji tahunan pekongsi Na RM6 000 setahun
- Untung atau rugi dibahagikan mengikut nisbah modal

Berapakah kongsi untung yang diterima oleh pekongsi Sya?

- RM4 000
- RM6 000
- RM8 000
- RM12 000

30 Antara berikut, manakah butiran yang direkodkan di bahagian debit Akaun Semasa?

- Modal
 - Ambilan
 - Faedah atas modal
 - Faedah atas ambilan
- I dan III
 - I dan IV
 - II dan III
 - II dan IV

31 Apakah catatan bergu yang tepat untuk merekodkan penerimaan diskaun daripada Akaun Belum Bayar semasa proses pembubaran berlaku?

	Debit	Kredit
A	Realisasi	Bank
B	Bank	Realisasi
C	Realisasi	Akaun Belum Bayar
D	Akaun Belum Bayar	Realisasi

32 Maklumat berikut diperoleh daripada Aqwa Berhad.

Pada 31 Januari 2024, Aqwa Berhad menerima wang RM400 000 bagi terbitan 200 000 unit 8% Syer Keutamaan, RM2 sesyer.

Pilih catatan jurnal am yang betul.

A

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2024 Jan. 31	Bank Permohonan 8% Syer Keutamaan		RM 200 000	RM 200 000

B

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2024 Jan. 31	Permohonan 8% Syer Keutamaan Bank		RM 200 000	RM 200 000

C

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2024 Jan. 31	Bank Permohonan 8% Syer Keutamaan		RM 400 000	RM 400 000

D

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2024 Jan. 31	Permohonan 8% Syer Keutamaan Bank		RM 400 000	RM 400 000

- 33 Apakah modal yang direkodkan di bahagian ekuiti pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan syarikat berhad?
- A Modal akhir
 - B Modal diterbitkan
 - C Modal berbayar penuh
 - D Modal diterbitkan dan berbayar penuh

- 34 Maklumat berikut berkaitan syer yang diterbitkan oleh Bestari Berhad.

- 100 000 unit 10% Syer Keutamaan RM1.00 sesyer
- 100 000 unit Syer Biasa, RM0.50 sesyer

Pada akhir tempoh perakaunan, agihan dividen kepada pemegang syer adalah seperti berikut:

- i. 10% Syer Keutamaan – RM10 000
- ii. Syer Biasa – RM10 000

Berapakah kadar dividen yang diperuntukkan kepada pemegang syer biasa?

- A 5%
- B 10%
- C 15%
- D 20%

- 35 Apakah sumber utama kewangan kelab dan persatuan?

- A Yuran lapuk
- B Yuran masuk
- C Yuran keahlian
- D Yuran pertandingan

- 36 Maklumat berikut diperolehi daripada jualan kraf tangan yang diusahakan oleh Kelab Warisan Budaya.

	RM
Inventori awal	2 700
Inventori akhir	2 950
Jualan	10 500
Belian	4 800
Upah pekerja	1 200

Berapakah untung kraf tangan?

- A RM1 250
 B RM4 750
 C RM5 700
 D RM7 150
- 37 Maklumat berikut berkaitan yuran keahlian Kelab Futsal D'Rantau.

	1 Julai 2023	30 Jun 2024
	RM	RM
Yuran belum terima	350	250
Yuran belum terperoleh	100	?

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2024 (petikan)

	RM
Yuran 2023	200
Yuran 2024	9 750
Yuran 2025	150

Berapakah nilai yuran ahli yang akan direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2024?

- A RM9 750
 B RM9 850
 C RM10 100
 D RM10 350

38 Kelab Tarian Comel telah menerima derma bernilai RM35 000 untuk kegunaan berikut:

- RM5 000 – belanja operasi kelab
- RM10 000 – belian peralatan studio
- RM20 000 – pengubahsuaian studio

Berapakah nilai derma yang akan direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan?

- A RM5 000
- B RM15 000
- C RM30 000
- D RM35 000

39 Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Batik Mawar.

	RM
Kerja dalam proses awal	2 700
Kerja dalam proses akhir	1 800
Kos prima	37 000
Kos overhed	24 600

Berapakah kos pengeluaran?

- A RM60 700
- B RM61 600
- C RM62 500
- D RM66 100

- 40 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Biskut Wanna.

	RM
Kos tetap	10 000
Kos berubah seunit	3

Berapakah untung yang diperoleh sekiranya 10 000 bungkus biskut dijual pada harga RM4.50 seunit?

- A RM5 000
- B RM15 000
- C RM30 000
- D RM45 000

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT